

**DRAF TEKS UCAPAN  
TUAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
SEMPENA  
MAJLIS PENUTUPAN BENGKEL KITAR SEMULA KREATIF PERMATANG  
NIBONG  
PADA 10 JANUARI 2014 (JUMAAT)  
JAM 9:00 PAGI**

---

**Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali Bin Hj Mohamud**  
Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Encik Anas Bin Mohd Kassim**  
Timbalan Pengurus Khariah Masjid Permatang Nibong

**Yang Berusaha Encik Moorthi Karthikesan**  
Pengurus Besar SVAC ViroGREEN Sdn.Bhd

Ketua - ketua Jabatan MPSP

Penduduk-penduduk Kampung Permatang Nibong

Rakan - rakan Media

Tuan - tuan dan puan - puan yang dihormati sekalian

.....

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh, Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan nya dapat kita berkumpul pada hari ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jawantankuasa Pusat Sumber Alam sekitar Kampung Permatang Nibong,

Tuan Setiausaha Perbandaran yang juga Pengerusi Khariah Masjid Permatang Nibong, Tuan Imam Mansor, En Abdul Rahman, En Mad Zain, Tetuan SVAC ViroGREEN Sdn.Bhd, Kilus Foundation dari Filipina yang telah berusaha menjayakan Bengkel Kitar Semula Kreatif di Pusat Sumber Alam Sekitar Permatang Nibong, Permatang Pauh.

Hadiran sekalian,

Sejak tahun 2012 lagi, penduduk Perkampungan Permatang Nibong mula terlibat dengan program-program komuniti. Pada 30 September 2012, Pusat Sumber Alam Sekitar Perkampungan Permatang Nibong telah melibatkan diri dalam program CIMB – Community Link yang menjalankan program pengkomposan sisa dapur. Penglibatan penduduk adalah amat memberangsangkan dimana 56 orang telah menyertai program ini dan sebanyak 1,120 kg sisa makanan yang berjaya dikutip untuk dikomposkan. Bagi program kutipan barang kitar semula pula yang bermula sejak 19 Januari 2013, sebanyak 4,529 kg telah dikumpul untuk jualan. Saya juga difahamkan penduduk Perkampungan Permatang Nibong juga menjalankan kebun kejiran (community farming) dan hasil sayur-sayuran yang ditanam dibahagikan kepada mereka yang mengambil bahagian dalam aktiviti tersebut.

Pada tahun 2014, sebuah loji biogas yang ditaja oleh SVAC ViroGREEN Sdn.Bhd. Logi biogas ini yang berkapasiti 1 meter padu dan boleh menjana biogas untuk kegunaan memasak selama 2 jam setiap hari. Jumlah sisa organik yang perlu dimasukkan dalam loji biogas adalah sebanyak 2 kg sisa organik / hari.

Penduduk Perkampungan Permatang Nibong mengambil inisiatif dengan melibatkan diri dalam menjahit bahan-bahan plastik. Program ini adalah diantara kerjasama MPSP dengan SVAC ViroGreen Sdn Bhd. SVAC Virogreen Sdn Bhd dengan rantaiannya Kilus Cooperative Foundation, Filipina telah mengaturkan 3 orang yang pakar dalam menjahit, menganyam dan memanik untuk melatih penduduk Permatang Nibong untuk mengguna semula pembungkus plastik yang tidak dapat dikitar semula / dibuang sebagai sampah untuk dijadikan beg. Selain itu, kelas menganyam bahan plastik juga dijalankan untuk menghasilkan anyaman dan memanik atau membuat aksesori seperti gelang atau rantai dari kertas majalah terpakai. Seramai 34 penduduk telah menghadiri bengkel yang diadakan dengan berjaya. Tahniah diucapkan.

Saya berharap kegiatan / aktiviti 4R, *composting*, *Community Farming* dan pengumpulan barang buangan ini berterusan. Koperasi Perusahaan Hijau Permatang Nibong telah ditubuhkan dimana ia dapat membantu penduduk menjana satu perniagaan dimana “sampah dapat ditukar kepada wang” dan ia bukan lagi sebagai hobi.


Pada bulan September akan diadakan *International Green Expo* oleh *Penang Green Council*, Koperasi Perusahaan Hijau Permatang Nibong boleh memamer dan menjual hasil kerja mereka. Saya difahamkan hanya terdapat satu mesin jahit untuk menjahit beg dan bahan-bahan buangan. Saya menyeru jika ada dermawan di luar sana agar dapat menderma mesin jahit kepada penduduk adalah amat dialu-alukan.

Disini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih SVAC ViroGreen Sdn Bhd kerana telah menaja tiket penerbangan, makan dan tempat tinggal 3 orang pakar tersebut dengan ibu angkat selama 14 hari di Permatang Nibong. Saya juga difahamkan SVAC ViroGreen Sdn Bhd akan membantu memasarkan produk / beg-beg yang dijahit ke luar negara. Oleh itu penduduk perlu mengambil peluang ini untuk menghasilkan beg di samping memperolehi pendapatan tambahan yang juga yang paling penting ia dapat membantu mengurang sisa sampah.

Untuk makluman semua, sepanjang tahun 2013, sebanyak RM 8,639,665.44 dibelanjakan oleh Majlis untuk menguruskan 427,706.21 tan sampah di Tapak Pelupusan Pulau Burung. Ini cubaan bayaran tipping fee RM 20.20 / tan, tidak termasuk gaji pekerja, petrol, *tear and wear* (penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan). Daripada jumlah sampah yang dijanakan, 230,728.18 tan adalah sisa domestik. Lebih daripada 50 % sampah adalah sisa domestik. Jika kita dapat menjalankan kitar semula, pengkomposan, ia dapat mengurangkan banyak sampah yang dihantar ke tapak pelupusan.

Oleh itu, kerjasama diantara penduduk Permatang Nibong dan MPSP serta semua penduduk di Seberang Perai termasuk NGO dalam program sebegini amat dialukan kerana ia memupuk satu ikatan ke arah mewujudkan betapa pentingnya kita mengurangkan penjanaan sisa pepejal atau sampah sarap. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua penduduk yang terlibat dalam program-program pemeliharaan alam sekitar yang dijalankan oleh MPSP selama ini.

Akhir kata dari saya, dengan lafaz



saya merasmikan Penutupan Bengkel Kitar Semula Kreatif di Pusat Sumber Alam Sekitar Permatang Nibong, Permatang Pauh.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.